

Singapura tidak wajar bersikap angkuh

UM 7 JAN 2002
PULAU PINANG 31 Dis. — Singapura tidak wajar bersikap angkuh terhadap Malaysia kerana ia banyak bergantung kepada negara ini dalam perkembangan ekonomi dan perdagangan antarabangsa sejak mencapai kemerdekaan.

Timbalan Pengerusi DAP, Karpal Singh berkata, justeru pemimpin republik itu perlu lebih berhati-hati dan tidak memamerkan sikap sedemikian berdasarkan hubungan sejarah, politik dan kekeluargaan yang sudah lama terjalin.

“Singapura tidak patut melupakan asal usul dan Malaysia pula tidak wajar menerima kata-kata ancaman daripada sebuah negara jiran yang bergantung kepada kita untuk keperluan asas seperti air,” katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Beliau mengulas rasa kesal Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad terhadap kepimpinan Singapura yang disifatkan menjejaskan hubungan dua hala kedua-dua negara.

Sambil menyifatkan faktor sejarah dan budaya sebagai elemen terpenting dalam menjaga hubungan dua hala, Karpal berkata, republik itu sewajarnya mengambil pendirian lebih pragmatik dan ikhlas dalam memupuk kerjasama positif.

“Singapura tidak patut lupa bahawa suatu masa dahulu ia merupakan sebahagian daripada Malaysia dan tidak boleh menafikan hubungan sejarah dan politik dengan negara ini.

“Lagi pun (Perdana Menteri pertama) Tunku Abdul Rahman dengan perasaan berat hati bersetuju Singapura berpisah dari Malaysia dan ramai rakyat sehingga sekarang masih tidak dapat memaafkan Tunku di atas keputusan itu walaupun niat beliau ketika itu untuk mengelak pertumpahan darah,” katanya.

Karpal berkata, pendirian Singapura dalam pelbagai isu mutakhir sebenarnya boleh membawa kepada masalah dan mengancam keselamatan negara.